

PERJUMPAAN PENGERUSI BAKAT PU SUBANG DENGAN AHLI BAKAT NO 22 SKUADRON

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2983-perjumpaan-pengerusi-bakat-pu-subang-dengan-ahli-bakat-no-22-skuadron

SUBANG, 30 Jan 18 – Buat julung-julung kalinya, satu perjumpaan di antara Pengerusi BAKAT Pangkalan Udara Subang bersama-sama ahli BAKAT No 22 Skuadron yang terdiri daripada isteri pegawai dan anggota telah berlangsung di auditrorium No 22 Skuadron. Perjumpaan yang diadakan ini bertujuan bagi mengenali lebih dekat isteri-isteri warga No 22 skn.

Dalam majlis tersebut, Pengerusi BAKAT PU Subang telah menyampaikan ucapan dan beliau berharap agar isteri-isteri warga No 22 skn dapat mengambil peluang dan memberi sedikit ruang untuk menyertai aktiviti BAKAT Subang mahupun BAKAT No 22 Skuadron. Di akhir ucapan, beliau mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran yang amat menggalakkan.

